



09 OCT, 2024

Kawalan di pintu masuk dipertingkatkan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 1 of 3

Kawalan di pintu masuk dipertingkatkan

Oleh Marlinda Mardzuki

KUCHING: Mesin pengimbas kargo berteknologi terkini yang dilengkapi dengan kecerdasan buatan (AI) bakal diletakkan di setiap lapangan terbang di Sarawak bagi mencegah kemasukan dadah.

Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata, ia adalah usaha kerajaan Sarawak dalam mempertingkatkan kawalan dan pemeriksaan di setiap pintu masuk negeri ini.

Menurut beliau, pembelian mesin pengimbas itu akan dibiayai oleh kerajaan Sarawak.

"Kita tahu Sarawak dijadikan transit, di utara mungkin syabu datang dari Filipina kerana kita ada pintu masuk di Lawas, termasuk Ba' Kelalan.

"Ini disebabkan lapangan terbang domestik kita tidak begitu lengkap, sebab itu saya mahu semua lapangan terbang kita dilengkapi dengan alat pengesanan dadah yang berteknologi tinggi," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Forum Khas Jenayah Narkotik anjuran bersama Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) dan One Stop Committee (OSC) Bagi Menangani Isu Dadah dan Substans (MIDS) Sarawak di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Dr Sim Kui Hian, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah, Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay, Pengarah JSJN Datuk Seri Khaw Kok Chin dan Pesuruhjaya Polis Sarawak Dato Mancha Ata.

Abang Johari berkata, semua Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS)



TANDA PENGHARGAAN: Abang Johari menerima cenderamata daripada Ayob (tiga kanan) pada majlis perasmian Forum Khas Jenayah Narkotik anjuran bersama JSJN dan OSC Bagi Menangani Isu Dadah dan Substans (MIDS) Sarawak, semalam. Turut kelihatan (dari kiri) Fatimah, Dr Sim, Khaw dan Mancha. — Gambar Mohd Faizal Ahmad

● Mesin imbas kargo dilengkapi AI akan diletak di setiap lapangan terbang Sarawak, cegah kemasukan dadah: Abang Johari

di Sarawak juga akan dinaik taraf dengan peralatan berteknologi tinggi itu.

Ia katanya, bagi mengekang penyeludupan dadah menerusi pintu sempadan.

"Nampaknya, Sarawak memang dijadikan transit sebelum dadah

dibawa masuk ke negara jiran dan kerana itu, terdapat keperluan untuk meletakkan alat berteknologi tinggi ini di setiap ICQS.

"Kemudahan ini untuk kita bantu agensi-agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)," katanya.

Sementara itu, Ayob berkata PDRM telah menggunakan bantuan dana daripada kerajaan Sarawak sebanyak RM1.7 juta untuk membeli Pengesan Dadah Visual Segera (IVDD) dan 'Hand Held Back Scatter' bagi melengkapkan lagi peralatan mengesan dadah di Sarawak.

"Ini kali pertama kita letakkan 'back scatter' di Sarawak, sebelum ini hanya ada di Semenanjung," katanya.

Jelas beliau, ia merupakan sebuah kenderaan yang boleh mengesan dadah yang dibawa oleh kenderaan lain.



09 OCT, 2024

Kawalan di pintu masuk dipertingkat

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Kawalan di pintu masuk dipertingkat

Beliau menambah, 'Hand Held Back Scatter' jenis mudah alih turut digunakan di lapangan terbang bagi mengesan dadah di dalam begasi atau beg yang dibawa dengan tangan.

"Saya bukan nak memuji tapi hakikatnya, Sarawak adalah satu-satunya negeri yang setakat ini memberi bantuan kepada JSJN sama ada dalam bentuk dana atau peralatan untuk memastikan kita dapat menangani penyeludupan dadah di Sarawak dengan berkesan," katanya.

Ketika ini, terdapat lima mesin pengimbas kargo AI sudah digunakan di beberapa lapangan terbang di Sarawak. Manakala bagi IVDD, terdapat 19 unit digunakan bagi mengesan penyalahgunaan dadah menerusi imbasan anak mata.

Bagi 'Hand Held Back Scatter' pula, ia menggunakan dua jenis mudah alih dan sebuah jenis kenderaan.



09 OCT, 2024

Kawalan di pintu masuk dipertingkat

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 3 of 3

SUMMARIES

KUCHING: Mesin pengimbas kargo berteknologi terkini yang dilengkapi dengan kecerdasan buatan (AI) bakal diletakkan di setiap lapangan terbang di Sarawak bagi mencegah kemasukan dadah. Premier Sarawak Datuk PatinggiTan Sri Abang Johari Tun Openg berkata, ia adalah usaha kerajaan Sarawak dalam mempertingkatkan kawalan dan pemeriksaan di setiap pintu masuk negeri ini.Menurut beliau, pembelian mesin pengimbas itu akan dibiayai oleh kerajaan Sarawak.